

05/04/1997

Sarjana peralat isu etnik dikecam

Salbiah Ani

ADA segelintir sarjana yang memperalatkan ilmu dalam membincangkan perkara berkaitan etnik dalam jurnal antarabangsa demi kepentingan etnik yang diwakilinya.

Kecenderungan sedemikian akan kelihatan lebih ketara apabila dua penulis berlainan etnik negara ini memperpanjangkan hal domestik ke dalam jurnal antarabangsa.

Dekan di Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (FSKK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Shamsul Amri Baharudin, berkata amat dikesalkan apabila tulisan sedemikian dilabelkan sebagai analisis akademik.

"Pelabelan sedemikian diberikan semata-mata kerana penulisnya adalah daripada kalangan akademik dan tulisan mereka disiarkan dalam jurnal antarabangsa," katanya dalam Wacana Identiti di Malaysia yang berlangsung di UKM, Bangi, baru-baru ini.

Hal domestik, katanya, yang pernah diperpanjangkan dalam jurnal antarabangsa akademik tetapi berbau etnik ialah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dikatakan jika tidak berjaya akan menyebabkan berlakunya satu lagi perisitwa 13 Mei 1969.

Prof Shamsul berkata, pengajiannya terhadap identiti Malaysia yang sudah berlangsung lebih 10 tahun menunjukkan pola kajian hanya berkisar kepada dua perkara itu iaitu entisiti dan kelas.

"Baik tulisan akademik mahupun popular ia akan berkisar kepada dua perkara berkenaan dan kecenderungan yang sama turut ditunjukkan dalam bidang kajian Malaysia baik oleh penulis tempatan mahupun asing," katanya.

Beliau mengakui peri pentingnya perbincangan identiti di peringkat popular kerana ia sampai terus kepada semua lapisan masyarakat dan turut memberi ilmu kepada penggubal dasar.

"Tidak ketinggalan ia juga penting kepada ekonomi dan sistem pendidikan. Ini antara sebabnya mengapa saya tidak bersetuju identiti adalah sesuatu yang sedia ada dan diterima kerana fungsi sekolah ialah mengasuh identiti," ujarinya.

Prof Shamsul berpegang kepada pendirian bahawa identiti bukan saja berkisar kepada perkara berkaitan pakaian, makanan, gaya hidup tetapi juga polisi negara.

Pembinaan jalan raya, katanya, turut mengambil kira persoalan identiti, maka laluan yang pada mulanya tidak jauh menjadi jauh hanya kerana menghormati persoalan identiti.

"Lihat saja bagaimana lencongan akan dilakukan apabila laluan awal terpaksa melalui kawasan masjid atau kubur umpama. Perjalanan kita itu sebenarnya adalah perjalanan dengan banyak identiti," jelasnya.

Beliau berkata, konsep bangsa Malaysia seperti yang dianjurkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, adalah suatu yang relevan kerana beliau memperkatakan Malaysia sebagai sebuah negara plural.

"Saya berpegang kepada pendirian bahawa multiculturalisme tidak sesuai diamalkan di Malaysia kerana Malaysia sememangnya sebuah negara multiethnicity," ujarinya.

Justeru, katanya, adalah lebih wajar menjadikan gagasan identiti sebagai payung dalam memperkatakan etnik dan kelas kerana ia membawa konsep yang lebih luas dan neutral.

(END)